

Muncul semula pada 2018 ketika Tun M terajui pentadbiran



Daim pernah diberi tanggungjawab mengetuai Majlis Penasihat Kerajaan ketika Dr Mahathir kembali terajui negara selepas PRU14. (Foto fail NSTP)

Nama Tun Daim Zainuddin 'muncul' semula pada 2018 ketika Tun Dr Mahathir Mohamad sekali lagi dilantik menerajui pentadbiran Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Daim yang digelar 'orang kanan' Dr Mahathir membuat kemunculan semula dalam 'arena' politik dan pentadbiran negara apabila bekas Menteri Kewangan itu diberi tanggungjawab mengetuai Majlis Penasihat Kerajaan.

Daim yang menjawat jawatan Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991 dan kali kedua pada 1999 - 2001. Selepas itu beliau dikatakan bersara daripada politik dan 'kelibatnya' terus hilang

dan tidak lagi menonjolkan diri.

Bibit hubungannya dikatakan rapat dengan Dr Mahathir apabila pernah dilantik sebagai perunding perniagaan kepada Dr Mahathir yang ketika itu bergelar Timbalan Perdana Menteri.

Kemudian, khidmat Daim terus mendapat kepercayaan apabila dilantik sebagai Senator dan kemudian Menteri Kewangan menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah pada era Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat.

Dalam kalangan wartawan, beliau turut digelar 'tokoh penuh misteri' kerana banyak spekulasi terkait dengan sosok itu, terma-

suk ada mendakwanya 'jutawan diam-diam'.

Serupa seperti Dr Mahathir, Daim juga berasal dari Alor Setar, Kedah. Beliau dilahirkan pada 29 April 1938 serta anak bongsu daripada 13 beradik.

Bapanya bekerja sebagai kerani kerajaan, manakala ibunya seorang suri rumah.

Memulakan pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH), Kedah dan Institut St Xavier, Pulau Pinang.

Ibarat sirih pulang ke gagang, Daim kembali semula ke KSAH tetapi kali ini sebagai pendidik.